

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Permingaan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024



Komunikasi Interpersonal

dalam Filem Pendek

Sweet Sweet Summertime

SUZILA MAT SALLEH, SITI FATIMAH MARDIAH HAMZAH,
WAN ZUHAILA WAN ABD RAHMAN, NOOR HAFIZA
MOHAMMED DAN NOOR MALINJASARI ALI
FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU
Emel Koresponden: suzilamsalleh@uitm.edu.my

Setiap filem yang dipertontonkan kepada masyarakat pastinya mempunyai nilai-nilai kemanusiaan dan pengajarannya. Filem "Sweet Sweet Summertime" merupakan karya yang menggambarkan nilai kemanusiaan dan pengajaran melalui penceritaan yang menarik dan bersifat kekeluargaan. Filem ini menunjukkan betapa pentingnya komunikasi interpersonal dalam pelbagai aspek kehidupan kita seharian. Dalam artikel ini, kita akan membahaskan mengenai beberapa pengajaran utama yang diperolehi daripada filem pendek ini dan aspek komunikasi interpersonal yang diketengahkan.

Filem pendek "Sweet Sweet Summertime" merupakan sebuah filem kekeluargaan yang mengisahkan tentang persahabatan dua orang kanak-kanak, Caleb dan Blake, semasa musim panas. Caleb telah diberitahu oleh bapanya

mengenai perpindahan mereka sebelum sesi persekolahan bermula. Namun, Caleb dan Blake telah memutuskan untuk menghabiskan musim panas untuk terakhir kalinya di kampung halaman sebagai memori terindah mereka. Pembentukan satu pasukan yang dikenali sebagai "Thank you Crew" bertujuan melakukan kebajikan untuk kepentingan kejiranan mereka. Ibu Caleb (yang telah meninggal dunia) telah dijadikan sebagai model inspirasi dalam pembentukan pasukan tersebut. Pelbagai aktiviti telah dilakukan termasuklah membantu kejiranan dan membersihkan kawasan sekitar kejiranan tanpa meminta sebarang bayaran atau imbuhan. Pada akhir filem ini, menceritakan bapa Caleb telah membatalkan rancangannya untuk berpindah dan memutuskan untuk terus tinggal di kampung halaman mereka. Filem ini menunjukkan betapa kuatnya ikatan kemasyarakatan sesama kejiranan dan ikatan persahabatan yang dibina oleh Caleb dan Blake. Filem ini menggambarkan nilai-nilai seperti persahabatan, komuniti, dan kebaikan sesama individu.

Dalam filem ini terdapat beberapa pengajaran dan komunikasi interpersonal yang diperolehi. Antaranya adalah seperti berikut:

- “Rejection”

“Rejection” bermaksud ketidaksetujuan atau penolakan terhadap sesuatu cadangan atau perilaku seseorang, tetapi mengakui kewujudan individu tersebut. Sebagai contoh, nenek Caleb, Lila Burns, tidak setuju dengan cadangan Caleb untuk melakukan kebaikan di kawasan kejiranannya kerana beliau berpendapat tiada benda yang percuma dengan kebaikan yang dilakukan dan tidak mahu cucunya dimanfaatkan oleh orang lain.

- “Touch communication (task related)”

Komunikasi sentuhan yang juga dikenali sebagai “haptic” adalah sentuhan fizikal yang mencakupi dari tepukan di bahu sebagai contoh sehingga berjabat tangan bergantung kepada situasi perkara yang dilakukan. Komunikasi ini merupakan aspek yang melibatkan penggunaan kulit, otot dan sistem saraf dalam menyampaikan maklumat. Dalam konteks ini, tindakan Scott mencium dahi Caleb dan menutupi tubuhnya dengan selimut untuk mencegah kedinginan saat tidur menggambarkan bentuk komunikasi melalui sentuhan berkaitan “task related”. Tindakan ini menggambarkan perasaan, perhatian dan niat Scott untuk melindungi Caleb, anaknya.

- “Intimate distance”

Jarak intim merujuk kepada ruang peribadi individu yang sangat dekat dan kebiasaannya diberikan kepada individu yang sangat rapat seperti pasangan, keluarga, dan sahabat yang rapat. Ia melibatkan sentuhan diri individu sehingga 18 inci. Dalam konteks ini, Blake dan kanak-kanak yang lain memeluk Jenna sebagai tanda penghargaan atas usaha Jenna dalam mengumpulkan dana untuk projek “Thank You Crew”. Ini merupakan contoh jarak intim yang digunakan dalam interaksi sosial seharian.

Kesimpulannya, filem yang bercorak kekeluargaan ini mempunyai nilai moral yang boleh dijadikan sebagai pengajaran dalam kehidupan kita. Ia menekankan kepentingan komunikasi interpersonal dalam membina dan mempertahankan hubungan yang kuat dan bermakna melalui persahabatan, hubungan kekeluargaan dan komuniti. Selain itu, filem ini juga mengingatkan kita mengenai pentingnya menghargai masa bersama dengan orang yang kita sayangi. Ini adalah pengajaran yang sangat berharga yang dapat kita ambil dan perlu diterapkan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Rujukan:

[Deep C Digital]. (2023, March 10). Sweet Sweet Summertime [Video].

<https://www.youtube.com/Watch?v=NRtmEgJxOak>.





eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com